

**MAJLIS PELANCARAN IKON MEMBACA KEBANGSAAN DAN
PENYEMARAKAN KEMPEN NILAI-NILAI MURNI 1MALAYSIA
14/05/2012**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Barakatur, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali

Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim
Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
dan isteri, Yang Berbahagia Datin Seri Masnah Rais

Yang Berhormat Dato' Joseph Salang dan
Yang Berhormat Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz
Timbalan-Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan

YBhg Dato' Sri Kamaruddin Siaraf
Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha

YBhg Dato' Raslin bin Abu Bakar
Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Agensi Kementerian

Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

1. Pertamanya, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat bertemu di majlis yang amat istimewa, khusus bagi meraikan negarawan ulung kita, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dilantik sebagai Ikon Membaca Kebangsaan, dan seterusnya melancarkan program Penyemarakan Kempen Nilai-Nilai Murni 1Malaysia.

2. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kerana telah mengundang saya untuk menyempurnakan majlis ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada warga Kementerian yang terus berusaha gigih menjayakan kedua-dua program ini yang merupakan prasyarat penting untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju beracuan sendiri. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga saya kalungkan kepada Yang Amat Berbahagia Tun kerana sudi menerima penghormatan daripada kerajaan untuk dilantik sebagai Ikon Membaca Kebangsaan.

Yang Amat Berbahagia Tun, saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

3. Pelantikan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Ikon Membaca Kebangsaan amatlah bertepatan dengan ketokohan Yang Amat Berbahagia Tun yang dikenali sebagai seorang pembaca yang tekun, pemikir yang ulung dan pengungkap agung idea-idea

pembangunan dan kemajuan yang menjadi tunjang sebuah masyarakat maju dan berilmu. Saya percaya tabiat membaca Yang Amat Berbahagia Tun telah menjadikan beliau seorang pemimpin yang berwawasan dan berpengetahuan luas. Walaupun Yang Amat Berbahagia Tun dilatih sebagai seorang doktor perubatan, namun beliau mampu mengungkapkan idea-idea bernas dalam pelbagai bidang, mencakupi bidang ekonomi, politik, undang-undang, sosial, budaya, teknologi dan sebagainya.

4. Kemampuan luar biasa ini menjadikan Yang Amat Berbahagia Tun sebagai ikon pemimpin yang berpengetahuan luas dan berwawasan. Sebagai seorang Menteri yang pernah berkhidmat di bawah kabinet Yang Amat Berbahagia Tun, saya amat bertuah kerana dapat melihat sendiri bagaimana idea-idea bernas Yang Amat Berbahagia Tun dibincang dalam kabinet dan kemudiannya dilaksanakan oleh kerajaan. Berdasarkan pengamatan saya, suka saya mengatakan bahawa kebanyakan idea-idea Yang Amat Berbahagia Tun diterima oleh ramai pihak bukanlah semata-mata kerana kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri, tetapi disebabkan oleh kekuatan pemikiran dan hujah beliau yang rasional dan praktikal. Kepetahan berhujah dan kekuatan daya fikir yang berasaskan ilmu pengetahuan yang luas dan mendalam menjadikan Yang Amat Berbahagia Tun sebagai seorang pemimpin yang disegani dan mendapat sokongan ramai.

5. Tidak dinafikan, sepanjang kepimpinan Yang Amat Berbahagia Tun, banyak juga idea-idea beliau yang dikritik dan dibangkang oleh beberapa pihak. Kita tentunya masih ingat bagaimana idea pembinaan jambatan Pulau Pinang, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya dan banyak lagi idea-idea lain yang dikritik hebat, terutamanya oleh pembangkang. Projek-projek pembangunan mega ini didakwa oleh mereka sebagai projek gajah putih yang tidak menguntungkan negara, malah membazir wang rakyat.

6. Namun hari ini, kita dapat lihat bagaimana pandangan jauh Yang Amat Berbahagia Tun dalam meletakkan asas kepada pembangunan dan kemajuan negara kita telah berjaya melepasi ujian zaman. Misalnya, jambatan Pulau Pinang yang dahulunya dianggap satu pembaziran oleh pembangkang, kini terbukti telah memberikan sumbangan besar kepada pembangunan pesat Pulau Pinang dan kawasan sekitarnya. Tanpa idea bernas dan pandangan jauh Yang Amat Berbahagia Tun Dr Mahathir, pembangunan Pulau Pinang mungkin tidaklah sepesat seperti yang dialami dalam tempoh tiga dekad yang lalu.

7. Kini, oleh kerana jambatan Pulau Pinang tidak boleh lagi menampung keperluan penduduk yang semakin bertambah dan kegiatan ekonomi yang semakin rancak, jambatan kedua pula dibina. Ketika ini, langsung tidak kedengaran suara sumbang parti-parti pembangkang yang membantah pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang atas alasan kononnya ia satu pembaziran. Mereka terdiam kerana pandangan jauh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir telah terbukti memberikan manfaat yang besar kepada rakyat. Sesungguhnya, masa telah menjadi hakim yang adil terhadap pemikiran hebat seorang pemimpin dan negarawan kita yang ulung.

8. Begitu juga dengan pembangunan Putrajaya. Ketika peringkat awal pembinaannya dahulu, pembangkang begitu ghairah mengkritik dan menuduh kerajaan dengan pelbagai tohmahan. Gamat satu negara kononnya Putrajaya adalah satu lagi projek gajah putih Tun Dr. Mahathir yang membazir wang rakyat. Malah pembangkang tanpa segan silu berjanji bahawa Putrajaya akan dilelong sekiranya mereka memerintah. Kini, jauh panggang dari api. Janji mahu melelong putrajaya langsung tidak kedengaran lagi. Ini kerana mereka sendiri telah melihat

bagaimana Putrajaya membangun dengan pesat dan menjadi lambang kebanggaan negara.

9. Kita juga pastinya masih ingat bagaimana Yang Amat Berbahagia Tun menangani krisis kewangan yang melanda negara kita pada tahun 1997. Walaupun dikritik hebat oleh para pengamal ekonomi bebas, baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa, beliau nekad mengambil tindakan di luar kelaziman dengan mengikat matawang ringgit dan melaksanakan langkah kawalan modal. Tindakan ini diambil untuk mengelakkan matawang kita daripada terus dimanipulasi oleh saudagar matawang antarabangsa yang tidak bertanggungjawab. Beliau juga mengambil langkah bijak dengan menolak bantuan daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yang dibimbangi akan membuka jalan kepada penjajahan ekonomi bentuk baru ke atas Malaysia.

10. Alhamdulillah, pemikiran jauh Yang Amat Berbahagia Tun telah berjaya menyelamatkan ekonomi Malaysia daripada dibinasakan oleh para neo-imperialis yang cuba mengaut laba di atas keruntuhan ekonomi negara kita. Buktinya, tatkala negara-negara serantau bergelut dengan ketidaktentuan politik dan ekonomi kesan krisis yang melanda rantau Asia pada tahun 1997, dalam tempoh yang singkat Malaysia bukan sahaja telah berjaya keluar daripada kemelut ekonomi, malah mencatat kadar pertumbuhan yang positif. Hari ini, idea luar kelaziman Yang Amat Berbahagia Tun yang telah berjaya mengemudi Malaysia mengharungi krisis ekonomi serantau telah mendapat pujian di peringkat antarabangsa. Kita seharusnya berterima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun kerana dengan kepimpinan beliaulah negara kita bukan sahaja telah berjaya keluar daripada krisis, tetapi terus berada di atas landasan ekonomi dan politik yang kukuh untuk diwarisi oleh kita semua.

11. Banyak lagi jasa dan sumbangan Yang Amat Berbahagia Tun kepada negara kita yang tidak mungkin dapat saya ungkapkan satu persatu di sini. Namun, pada hemat saya, sumbangan Tun Dr. Mahathir yang paling besar kepada kita ialah pemikiran dan gagasan beliau yang berpandangan jauh. Daripada Dasar Pandang Ke Timur hinggalah ke Wawasan 2020, pemikiran Yang Amat Berbahagia Tun telah berjaya membangkitkan kesedaran rakyat dan menggerakkan kudrat seluruh warganegara untuk mencapai cita-cita menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Legasi pemikiran dan gagasan Yang Amat Berbahagia Tun inilah yang diteruskan oleh kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak hari ini. Kita percaya, dengan seluruh warisan kebijaksanaan yang diturunkan kepada kepimpinan Barisan Nasional hari ini dan segala program transformasi yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, negara kita akan berjaya muncul sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

12. Satu kelebihan yang dimiliki oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir ialah keupayaan beliau mengungkapkan idea-idea besar secara mendalam dan tuntas serta menyampaikannya dalam bahasa yang mudah difahami. Keupayaan ini melambangkan diri beliau sebagai seorang pembaca yang tekun, penimba ilmu yang cekal dan pemikir yang rasional. Apatah lagi, Yang Amat Berbahagia Tun juga dikenali sebagai pemidato yang petah dan penulis yang prolific. Saya percaya, pembacaan beliau yang mendalam dalam pelbagai bidang ilmu telah menjadikan Yang Amat Berbahagia Tun sebagai ikon pemimpin yang memiliki kekuatan daya fikir yang hebat dan keupayaan berkomunikasi yang berkesan.

13. Kualiti inilah yang perlu dimiliki oleh rakyat Malaysia sekiranya kita ingin menjadi

sebuah masyarakat dan negara yang maju. Pembacaan yang mendalam dan meluas dalam pelbagai bidang ilmu pastinya akan memberi kesan positif kepada pemikiran dan tindakan rakyat. Lebih-lebih lagi dalam usaha kita untuk menjadi sebuah negara maju dengan berbekalkan modal insan yang berilmu, maka sudah tentu budaya membaca dan berfikir secara kritis dan dinamis perlu diperhebatkan dalam masyarakat kita.

14. Secara keseluruhannya, kita bersyukur kerana kadar membaca rakyat Malaysia telah meningkat daripada hanya 2 buah buku setahun pada tahun 2005 kepada 8 hingga 12 buku setahun pada tahun 2010. Berdasarkan pencapaian ini, kita akui bahawa budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia sudah mula menunjukkan peningkatan. Namun, langkah-langkah proaktif perlu terus diambil agar kadar ini terus meningkat dari masa ke semasa. Tambahan pula, kadar membaca rakyat di negara maju adalah lebih tinggi. Di negara Jepun misalnya, dianggarkan rakyat negara itu membaca secara purata 40 buah buku setahun. Satu kajian terbaru oleh Pew Research Centre di Amerika Syarikat pula mendapati secara purata rakyat Amerika yang berumur 16 tahun ke atas membaca 17 buah buku setahun.

15. Ini bermakna, jika kita ingin menjadi sebuah masyarakat maju, kadar membaca rakyat negara kita perlu dipastikan setanding atau lebih baik daripada apa yang dicapai oleh rakyat di negara maju. Ini pastinya menuntut kesungguhan pelbagai pihak untuk menyemarakkan amalan membaca di negara kita. Saya percaya pihak Perpustakaan Negara Malaysia dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menggalakkan budaya membaca di negara kita melalui perkhidmatan perpustakaan yang disediakan secara langsung kepada rakyat.

16. Sehingga kini, negara kita mempunyai sebanyak 12,382 buah perpustakaan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, pusat sumber sekolah sahaja berjumlah 9,721 buah. Berdasarkan perangkaan ini, saya melihat Pusat Sumber Sekolah mempunyai potensi yang cukup besar untuk dipertingkatkan lagi mutu dan capaian perkhidmatannya.

17. Justeru, selaras dengan usaha menambahbaik sistem pendidikan negara, saya melihat peranan pusat sumber sekolah sebagai nadi budaya membaca di kalangan generasi muda perlu diperkasakan lagi. Sehubungan itu, saya mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan merangka satu strategi bersama yang komprehensif untuk meningkatkan fungsi dan peranan pusat sumber sekolah.

18. Selaras dengan perkembangan dunia teknologi maklumat dan komunikasi hari ini, saya fikir sudah sampai masanya kita memperluaskan penggunaan perpustakaan digital yang membolehkan pengguna membaca buku dan pelbagai bahan ilmiah dalam bentuk digital secara atas talian. Konsep perpustakaan digital ini pastinya akan memudahkan pengguna mengakses pelbagai bahan ilmiah dengan lebih pantas dan sekaligus meningkatkan kadar membaca di kalangan rakyat kita. Saya percaya, sekiranya kita ingin berada di hadapan dalam persaingan memperoleh ilmu dan maklumat, maka kita perlu memanfaatkan segala kelebihan dunia teknologi maklumat dan komunikasi dengan sebaik mungkin.

Yang Amat Berbahagia Tun, saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

19. Sesungguhnya hasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju beracuan sendiri amat bergantung kepada kesungguhan rakyat mencipta pelbagai kejayaan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang menjadi sumber kekuatan kita. Untuk itu, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang telah mengambil inisiatif melancarkan Penyemarakan Kempen Nilai-Nilai Murni 1Malaysia sempena Majlis

Pelancaran Ikon Membaca Kebangsaan pada hari ini. Sesungguhnya, amalan membaca itu sendiri merupakan salah satu nilai murni yang perlu diamalkan oleh rakyat di negara kita jika kita ingin menjadi sebuah negara maju. Saya percaya dengan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menyemarakkan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat, serta sokongan berterusan daripada masyarakat, kita akan dapat merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju beracuan sendiri menjelang tahun 2020.

20. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dan seluruh warga Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan serta agensi-agensi di bawah Kementerian atas usaha murni menjayakan program Ikon Membaca Kebangsaan dan Penyemarakan Kempen Nilai-nilai Murni 1Malaysia.

21. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad atas pelantikan beliau sebagai Ikon Membaca Kebangsaan. Saya mendoakan agar Yang Amat Berbahagia Tun diberikan kesihatan yang berpanjangan oleh Allah s.w.t. untuk terus memberi sumbangan kepada negara dan melihat legasi beliau dihargai oleh rakyat. Saya juga mendoakan semoga Yang Amat Berbahagia Tun Dr Siti Hasmah dikurniakan kesihatan yang baik oleh Allah s.w.t.

22. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya melancarkan Ikon Membaca Kebangsaan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Penyemarakan Kempen Nilai-Nilai Murni 1Malaysia.

Wabillahi al-Taufik Wal Hidayah Wasallamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.